

45/KLIA/2025



AGENCI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

UBATAN TIDAK BERDAFTAR BERNILAI LEBIH RM85,000.00 DIRAMPAS DI KLIA1

SEPANG, 22 Ogos 2025 – Satu cubaan untuk menyeludup masuk ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai lebih RM85,000.00 berjaya dipatahkan dalam satu operasi bersama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1), di sini, semalam.

Kejayaan itu bermula apabila pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang bertugas mengesyaki imej imbasan empat buah bagasi milik seorang lelaki warganegara Bangladesh. Susulan itu, bagasi tersebut diserahkan kepada Pasukan Penguatkuasa Farmasi Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) untuk pemeriksaan lanjut.

Hasil pemeriksaan terperinci, oleh pasukan itu mengesahkan penemuan lebih 60,000 unit ubat-ubatan daripada 30 jenis berbeza yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bekalan ini dipercayai dibawa masuk untuk dijual dalam pasaran gelap kepada rakan senegaranya.

Antara rampasan utama termasuklah ubat-ubatan yang mengandungi racun terkawal dan psikotropik, 1,000 tiub krim anti-kulat serta 20,000 biji ubat rawatan gastrik.

Kesemua ubat-ubatan tersebut telah dirampas dan diserahkan semula kepada JKDM untuk siasatan lanjut. Mengikut prosedur, barangan rampasan akan dilucut hak dan dilupuskan dalam tempoh sebulan.

SIARAN MEDIA

Kejayaan operasi ini menunjukkan kerjasama dan komitmen padu antara JKDM dan AKPS dalam mengawal pintu masuk negara. Pihak berkuasa tidak akan berkompromi dalam usaha membanteras penyeludupan ubat-ubatan tidak berdaftar yang berisiko tinggi terhadap kesihatan dan keselamatan awam.

Gambar berkaitan :

https://drive.google.com/drive/folders/1ORu1_s88y6lniB8AbpqTVh0liA2kY2fD

TAMAT

22 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI